



## SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2016/08/84 (HQ)

### PROJEK BAITI JANNATI TNB PERINGKAT NEGERI SEMBILAN

Kehidupan Encik Nordin bin Abdullah kini lebih selesa, setelah Tenaga Nasional Berhad (TNB) membaik pulih kediamannya di Linggi, Port Dickson, Negeri Sembilan menerusi Projek Baiti Jannati, Peringkat Negeri Sembilan 2016.

Encik Nordin bin Abdullah, 68, adalah penerima bantuan rumah TNB selepas rumah asal beliau terlibat dengan kebakaran pada 24 Februari 2016 yang lalu,

Melalui Projek Baiti Jannati, rumahnya yang usang kini telah dibina baharu lengkap dengan tiga (3) bilik tidur, ruang tamu yang luas dan mempunyai kemudahan air serta elektrik.

Rumah Encik Nordin bin Abdullah yang siap dibina dirasmikan hari ini oleh Ahli Dewan Undangan Negeri Sembilan Kawasan Linggi, Y.B. Dato' Abd. Rahman Mohd. Redza.

Pengurus Besar Stesen Janaelektrik Tuanku Ja'afar, Bahagian Pembahagian TNB, Tuan Haji Zulkifli bin Jaafar Sidek dalam ucapannya berkata Projek Baiti Jannati adalah susulan daripada saranan kerajaan supaya Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) memainkan peranan dalam membantu kerajaan untuk membaiki kediamaan golongan sasaran.

Golongan sasaran ini antaranya calon-calon asnaf terdiri daripada penduduk miskin luar bandar, ibu tunggal dan warga emas. Untuk tahun 2016, setakat ini empat (4) orang penerima yang layak telah dikenal pasti melibatkan pengajur dari pejabat Pengurus Besar Negeri Sembilan dan Pejabat Pengurus Besar Stesen Janaelektrik Tuanku Ja'afar, Port Dickson, Negeri Sembilan.

**Dikeluarkan di Port Dickson, Negeri Sembilan, pada 25 Ogos 2016**

*Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Nor Hanim Idris di talian 019-2617617 atau Amiza Mohd Aris di talian 019-2136320*

*[media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*